



20 NOVEMBER, 2016

KEPADA SEMUA PENGARANG

**KENYATAAN AKHBAR NUJ MALAYSIA BERHUBUNG PETUGAS MEDIA
DIHALANG MEMBUAT LIPUTAN AKHBAR**

Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJ) melahirkan kekesalan teramat sangat berhubung insiden membabitkan Menteri Besar Pahang dan UMNO Pahang yang langsung tidak menunjukkan kematangan dalam menghormati tugas wartawan dengan menghalang mereka daripada membuat liputan Konvensyen UMNO.

Ini bukan kali pertama insiden seumpama ini berlaku di negeri itu namun kali ini keadaannya lebih memalukan kerana membabitkan bukan sahaja individu yang sama malah turut mengheret parti politik yang diketuai dan diwakilinya untuk bersama-sama bertindak secara tidak bertamadun.

Wartawan bukan insan yang ditugaskan semata-mata untuk menerima penghinaan seperti ini kerana setiap tugas yang diberi adalah mengikut arahan ketua mereka dan jemputan yang diterima daripada penganjur.

Peliknya UMNO Pahang mahu pun setiausaha akhbar Menteri Besar Pahang sendiri telah menjemput media untuk membuat liputan Konvensyen UMNO tersebut tetapi kemudiannya bertindak menghalau mereka pula pulang.

Sekiranya tidak berpuas hati dengan mana-mana akhbar atau media sekalipun, jangan menjadikan golongan wartawan yang turun membuat liputan sebagai mangsa melepaskan geram atau rasa tidak puas hati.

Ia seperti marahkan nyamuk kelambu dibakar. NUJ secara terbuka menganggap tindakan Menteri Besar Pahang dan UMNO Pahang menghalau keluar wartawan daripada majlis mereka sebagai tindakan yang cukup tidak profesional dan membelakangkan prinsip saling memerlukan antara satu sama lain.

Jika tidak puas hati dengan akhbar atau media atau editornya, gunakan saluran perundingan yang lebih bermaruah berbanding menjadikan wartawan yang hanya menjalankan tugas dan arahan ketua mereka sebagai mangsa.


Sehubungan itu, NUJ menuntut Menteri Besar Pahang dan UMNO Pahang yang bersikap seperti kebudak-budakan ini supaya mengeluarkan kenyataan permohonan maaf bagi menjernihkan kembali keadaan dan hubungan antara media, menteri besar dan UMNO Pahang.

NUJ adalah sebuah kesatuan mewakili wartawan arus perdana yang jelas tidak mempunyai kuasa untuk memboikot atau memutuskan hubungan dengan menteri besar dan UMNO Pahang sebaliknya kami lebih menjuruskan kepada untuk mewujudkan keharmonian hubungan agar semua pihak saling menghormati antara satu sama lain dan memperoleh situasi menang-menang.

Keputusan untuk memboikot hanya boleh dibuat oleh syarikat akhbar dan media itu sendiri.

Sekian..

Bagi Pihak Ahli Jawatankuasa Tertinggi NUJ,



MOHD TAUFEK BIN RAZAK
Presiden